

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

1249/2

SEJARAH

Kertas 2

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT




**Bahagian A**


[40 markah]

*Jawab semua soalan.*

- 1 Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan dua buah monumen penting di Asia Tenggara.



Gambar 1



Gambar 2

- (a) Nyatakan maksud monumen.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

- (b) Namakan monumen yang terdapat dalam gambar di atas.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

- (c) Mengapakah kerajaan awal mampu membina monumen tersebut?

(i) .....

(ii) .....

(iii) ..... [3 markah]

- (d) Cadangkan **tiga** langkah berkesan untuk memelihara sesebuah monumen.

(i) .....

(ii) .....

(iii) ..... [3 markah]

2 Penyebaran Islam oleh Nabi Muhammad SAW telah menimbulkan reaksi menerima dan menentang daripada masyarakat Arab.

(a) Bagaimanakah Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Mengapakah sebahagian masyarakat Arab menentang penyebaran Islam?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Bagaimanakah masyarakat Arab menentang penyebaran Islam oleh Nabi Muhammad SAW?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Mengapakah Islam akhirnya diterima oleh masyarakat Arab?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(e) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam dalam kalangan masyarakat Arab.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

3 Nasionalisme merujuk kepada perasaan cinta akan bangsa dan negara yang membawa kepada gerakan membebaskan tanah air.

(a) Beri **dua** faktor kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Jelaskan perbezaan antara gerakan nasionalisme tahap pertama dengan gerakan nasionalisme tahap kedua di Asia Tenggara.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

(iv) .....

[4 markah]

(c) Nyatakan **dua** ciri rakyat Malaysia yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Jelaskan kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak memiliki semangat nasionalisme yang tinggi.

(i) .....

.....

(ii) .....

.....

[2 markah]

4 Malaysia merupakan sebuah negara Persekutuan yang mengamalkan konsep pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

(a) Jelaskan konsep persekutuan.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Senaraikan bidang kuasa:

(i) Kerajaan Persekutuan

(a) .....

(b) .....

[2 markah]

(ii) Kerajaan Negeri

(a) .....

(b) .....

[2 markah]

(c) Mengapakah pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilakukan?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]]

(d) Sebagai warganegara yang patriotik, jelaskan peranan anda untuk mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara Persekutuan.

(i) .....

.....

(ii) .....

.....

[2 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.*

- 5 Tamadun Islam telah bertembung dengan tamadun lain di dunia.
- (a) Terangkan cara pertembungan tamadun tersebut. [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan pertembungan tamadun tersebut. [8 markah]
- (c) Pertembungan pelbagai tamadun juga berlaku di Malaysia.  
Jelaskan kesan pertembungan pelbagai tamadun tersebut terhadap negara dan bangsa Malaysia. [6 markah]
- 6 Revolusi Pertanian telah berlaku di Britain pada akhir kurun ke-17.
- (a) Terangkan faktor yang mencetuskan revolusi tersebut. [8 markah]
- (b) Jelaskan kesan revolusi tersebut. [6 markah]
- (c) Bagaimanakah bidang pertanian di negara kita dapat dimajukan? [6 markah]
- 7 Perjuangan menentang penjajah British telah dilakukan oleh pemimpin tempatan sejak abad ke-19.
- (a) Terangkan faktor penentangan tersebut. [8 markah]
- (b) Berjayakah pemimpin tempatan pada abad ke-19 menentang penjajah British?  
Kemukakan alasan anda. [6 markah]
- (c) Mengapakah semangat perjuangan pemimpin silam di negara kita wajar dicontohi? [6 markah]

- 8 (a) Jelaskan usaha-usaha ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.  
[8 markah]
- (b) Mengapakah orang Melayu menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?  
[6 markah]
- (c) Jelaskan kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia.  
[6 markah]
- 9 (a) Sejak Perang Dunia Pertama pada tahun 1941, beberapa siri peperangan telah berlaku di banyak tempat di dunia ini.  
Terangkan sebab berlakunya peperangan tersebut. [8 markah]
- (b) Jelaskan kesan sesuatu peperangan. [6 markah]
- (c) Andaikan Malaysia menjadi sebuah kuasa besar dunia dan anda adalah pemimpin Malaysia pada masa tersebut, jelaskan usaha yang anda akan lakukan untuk memastikan keamanan dunia berkekalan. [6 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**